



**GARIS PANDUAN PENJENAMAAN NAMA
BANGUNAN, JALAN DAN FASILITI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEJABAT PEMASARAN DAN KOMUNIKASI
KORPORAT (PPKK)**

1.0 Pengenalan

Garis Panduan ini disediakan untuk memberi panduan berkaitan penjenamaan nama bangunan, jalan dan fasiliti Universiti untuk rujukan semua Pusat Tanggungjawab, Kelab/Persatuan pelajar dan staf.

2.0 Objektif

Objektif Garis Panduan Penjenamaan Nama Bangunan, Jalan dan Fasiliti Universiti adalah seperti berikut :

- 2.1 Menjelaskan kaedah pemberian nama bangunan, jalan dan fasiliti Universiti mengikut syarat dan panduan yang ditetapkan.
- 2.2 Menjenamakan semula nama bangunan, jalan dan fasiliti Universiti selari dengan hala tuju Universiti dan mengikut tema yang ditetapkan.
- 2.3 Memastikan nama bangunan, jalan dan fasiliti Universiti dibuat secara teratur bagi meningkatkan jenama dan visibiliti Universiti.

3.0 Skop

Garis panduan ini terpakai kepada Pusat Tanggungjawab serta pihak yang berurusan dengan Universiti mengikut kesesuaian pemakaian. Garis panduan ini adalah terpakai kepada UTHM kampus induk dan semua kampus cawangan UTHM.

4.0 Kaedah Penamaan Nama Bangunan

- 4.1 Nama bangunan/fasiliti hendaklah mengikut panduan seperti berikut :

Jenis Bangunan/Fasiliti	Tema	Catatan
Bangunan Fakulti	Mengikut nama /fungsi Fakulti/ Pusat Tanggungjawab	Contoh Bangunan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan

		Elektronik (FKEE) (tema mengikut nama fakulti/fungsi)
Bangunan Pentadbiran	Mengikut nama /fungsi Pejabat/ Pusat Tanggungjawab	Contoh Bangunan Canselori (tema mengikut fungsi pejabat)
Bangunan Gunasama (Dewan Besar, Bilik Mesyuarat, Dewan/Bilik Seminar/ Dewan Kuliah (DK))	Nama Kerabat Diraja (bagi bangunan sedia ada) / Tokoh Ilmuan Islam mengikut Bidang Tujah Universiti (Pengangkutan dan Teknologi Lestari.)	Contoh Dewan Sultan Ibrahim (tema mengikut nama Kerabat Diraja) Contoh nama-nama Tokoh Ilmuan Islam mengikut Bidang Tujah Universiti seperti yang dinyatakan di perkara 4.4
Kafeteria	Berasaskan nama-nama hidupan; Ikan / Burung / Bunga (Cadangan nama bunga)	Contoh Kafeteria Bunga Raya / Kafeteria Bunga Kasturi (tema nama bunga) Justifikasi pemilihan tema bunga adalah seperti berikut : i) Lebih mudah untuk mengaitkan ciri-ciri baik yang terdapat pada bunga dengan aspirasi/jangkaan terhadap perkhidmatan dan pengurusan kafeteria. ii) Tema bunga menawarkan banyak pilihan yang bersesuaian dan menarik. iii) Kebanyakan tukang masak adalah para wanita, justeru pemilihan nama bunga secara tidak langsung mengiktiraf keupayaan wanita yang majoritinya sebagai pengusaha kafeteria.
Fasiliti Universiti seperti, padang, gelanggang dan sebagainya	Kluster / sukan / kebudayaan	Contoh nama mengikut sukan Gelanggang Futsal, Padang Ragbi dan lain-lain

Tasik	Berasaskan <i>Sustainable Development Goals</i> (SDGs) atau Pembangunan Lestari	Contoh nama Tasik Tasik Kelestarian Energi (Sustainable Energy Lake) - SDG 7: Tenaga bersih dan berjaya
-------	---	--

- 4.2 Keutamaan adalah menggunakan nama dalam Bahasa Melayu.
- 4.3 Campuran perkataan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris / lain – lain Bahasa tidak dibenarkan.
- 4.4 Nama **Bangunan Gunasama** juga boleh diambil menggunakan nama-nama tokoh ilmuan Islam mengikut bidang tujuh UTHM sebagai contoh :

Bidang Pengangkutan:

Ibn Battuta (1304-1368): Seorang penjelajah Muslim terkenal dari Maghribi yang mengembara secara meluas merentasi dunia Islam dan dunia luar. Pengembaraannya menyumbang kepada pemahaman tentang pengangkutan di pelbagai wilayah.

Al-Jazari (1136-1206): Seorang jurutera dan saintis Muslim berasal dari Parsi yang terkenal dengan ciptaan dan pembangunan pelbagai peranti mekanikal, termasuk enjin air dan alat pengangkutan.

Al-Masudi (896-956): Seorang ahli sejarah Muslim, ahli geografi, dan penjelajah asal Iraq yang menulis tentang pelbagai wilayah dan laluan perdagangan, memberikan pandangan tentang sistem pengangkutan pada masa itu.

Bidang Kelestarian atau Pembangunan Mampan:

Al-Farabi (872-950): Seorang ahli falsafah, ahli muzik, dan saintis Muslim Parsi yang terkenal kerana menggabungkan falsafah Aristotelian dengan ajaran Islam. Beliau mempunyai pemahaman tentang keseimbangan dalam masyarakat dan kepentingan memelihara alam sekitar untuk kelestarian.

Ibn Khaldun (1332-1406): Seorang saintis, ahli sejarah, dan ahli falsafah Muslim dari Afrika Utara. Karya utamanya, "Muqaddimah", memperkenalkan konsep kitaran sosial dan ekonomi dalam masyarakat. Beliau mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan dan kebangkitan tamadun termasuk aspek yang berkaitan dengan kesinambungan dan kelestarian.

Al-Biruni (973-1048): Seorang saintis dan ulama Parsi. Beliau menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang, termasuk geografi, antropologi, dan astronomi. Al-Biruni turut memberi perhatian kepada aspek alam sekitar dan geologi dalam karyanya.

Nama-nama tokoh ini boleh dinamakan untuk Bangunan Gunasama seperti Dewan Besar, Bilik Mesyuarat, Dewan/Bilik Seminar, Dewan Kuliah (DK) kecuali Bilik Kuliah/ Tutorial dan Makmal melibat P&P atau penajaan dari syarikat tertentu.

- 4.5 Nama-nama yang mengambil sempena nama tempat di mana projek itu dimajukan, perkataan-perkataan yang mengandungi unsur pendidikan seperti perkataan yang menunjukkan nilai dan sikap boleh juga dipertimbangkan.
- 4.6 Nama-nama lain yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti.
- 4.7 Menamakan bangunan baru atau yang sedia ada dengan nama orang adalah tidak digalakkan kecuali melibatkan Bangunan Gunasama Universiti. Penjenamaan nama orang hendaklah dipilih mengikut garis panduan seperti berikut :
 - a. Nama orang yang masih hidup tidak boleh digunakan kecuali untuk kes-kes khas;
 - b. Nama orang yang ternama boleh dipilih daripada nama-nama Raja / Gabenor, Pemimpin Negara atau Menteri Besar.

- c. Nama orang-orang terkemuka boleh dipilih daripada bidang pendidikan, pentadbiran, jurutera, arkitek, doktor, artis, pemuzik, seni lukis dan kebudayaan.
 - d. Nama baik orang itu terpelihara dan tidak tercemar semasa hidup dan sehingga kematiannya.
 - e. Butir-butir latar belakang serta perkhidmatan / sumbangan terhadap masyarakat.
 - f. Orang berkenaan / waris / keluarga memberi kebenaran bertulis mengguna nama itu.
- 4.8 Papan Tanda wajib menggunakan tulisan rumi dan perlu bersama tulisan jawi ke arah memartabatkan tulisan jawi di peringkat Universiti.
- 4.9 Kedudukan kawasan dan nama tasik sedia ada sekitar UTHM, Kampus Parit Raja :

Bil	Nama Tasik	Kawasan
1	T1 * Belum ada nama *	Bersebelahan blok F3
2	T2 * Belum ada nama *	Berhampiran blok F2
3	(T3) Tasik Kemajuan	Berhadapan blok G3
4	(T4) Tasik Inovasi	Belakang blok G7
5	T5 * Belum ada nama *	Berhadapan blok M (FKAAB)
6	(T6) Tasik Teknologi	Berhadapan blok J (FFTP)
7	T7 * Belum ada nama *	Berhampiran blok I (Masjid Sultan Ibrahim)
8	T8 * Belum ada nama *	Berhampiran blok I (Masjid Sultan Ibrahim)
9	(T9) Tasik Pembangunan	Di atas blok S

5.0 Kaedah Penamaan Nama Jalan

5.1 Nama-nama jalan sedia ada di UTHM ketika ini adalah sebagaimana senarai berikut manakala kedudukan jalan tersebut ditunjukkan pada pelan lampiran:

- a) Persiaran/Susur Tun Ghazali Shafie
- b) Persiaran/Susur Tun Ismail Ali
- c) Persiaran/Susur Tun VT Sambanthan 1/2/3
- d) Persiaran/Susur Tun Azizan Zainul Abidin
- e) Persiaran Tun Dr. Ismail
- f) Persiaran/Susur Tun Syed Nasir 1 /2
- g) Persiaran Tun Dr. Awang Hassan
- h) Persiaran Tun Tan Siew Sin
- i) Susur Syed Alwi 1/2/3/4
- j) Persiaran Tun Ghafar Baba
- k) Persiaran Tun Mohd. Zahir Ismail
- l) Persiaran Tun Fatimah Hashim
- m) Jalan Pembangunan 1/2/3
- n) Jalan Penyelidikan 1/2/3/4
- o) Jalan Kebajikan
- p) Jalan Stadium
- q) Jalan Masjid
- r) Jalan Kolej
- s) Jalan Kemajuan
- t) Jalan Lestari
- u) Jalan FSKTM
- v) Jalan FKEE
- w) Jalan FKMP
- x) Jalan FKAAS
- y) Jalan FPTV
- z) Jalan FPTP

5.2 Kesesuaian kaedah penamaan nama jalan baru yang dicadangkan

Jenis Jalan	Tema	Catatan
Jalan Utama Universiti	Melambangkan Identiti Universiti	Imej dan Identiti Universiti sebagai sebuah Universiti Teknikal dalam bidang; Kejuruteraan, Teknologi, Sains Sosial dan TVET
Jalan Fakulti / Pusat Tanggungjawab	Mengikut nama-nama berkaitan Nama Kluster/Displin Ilmu dalam dalam bidang berkaitan (Fakulti) dan PTj sedia ada	Contoh Jalan FPTV / Jalan FKEE (tema mengikut nama fakulti/pusat) Contoh Jalan Kejuruteraan Frekuensi Tinggi (High-Frequency Engineering Lane)
Lorong – Lorong	Mengikut Kluster nama-nama Jalan Fakulti dan PTj	Contoh Lorong Nanoteknologi (Nanotechnology Lane)

5.3 Keutamaan adalah menggunakan nama dalam Bahasa Melayu.

5.4 Campuran perkataan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris/ lain-lain Bahasa tidak dibenarkan.

5.5 Contoh nama Jalan Utama Universiti mengikut bidang; Kejuruteraan, Teknologi, Sains sosial dan TVET adalah seperti berikut :

Jalan Teknologi Inovasi (Innovation Technology Road)

Jalan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence Road)

Jalan Teknologi Pintar (Smart Technology Road)

5.6 Nama-nama lain yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti

5.7 Menamakan jalan yang baru ataupun yang sedia ada dengan nama orang adalah tidak digalakkan kecuali penjenamaan untuk nama Jalan Utama Universiti dan hendaklah mematuhi panduan berikut :

- a. Nama-nama orang yang masih hidup tidak boleh digunakan kecuali bagi kes-kes khas.
- b. Nama orang yang ternama boleh dipilih daripada nama-nama Raja, Gabenor, Pemimpin Negara dan Menteri Besar.
- c. Nama-nama orang yang terkemuka seperti dalam bidang pendidikan, pentadbiran, jurutera, arkitek, doktor, artis, pemuzik, seni lukis dan kebudayaan.
- d. Nama-nama orang yang telah memberi sumbangan besar dan terkemuka kepada negara atau negeri. Mereka ini bolehlah meliputi pelbagai bidang iaitu seperti pembangunan, politik, kemasyarakatan, pelajaran, kebudayaan, perubatan dan lain-lain lagi.
- e. Nama-nama orang yang telah memberi sumbangan besar di peringkat negara dan negeri.
- f. Nama baik orang itu terpelihara dan tidak tercemar semasa hidup dan sehingga kematiannya.
- g. Butir-butir latar belakang serta perkhidmatan / sumbangan terhadap masyarakat.
- h. Orang berkenaan/waris/keluarga memberi kebenaran bertulis menggunakan nama itu.

5.9 Nama lorong hendaklah mengikut nama bangunan tersebut. Contoh – Bangunan FKAAB, maka lorong hendaklah dinamakan Lorong FKAAB.

5.10 Jalan / lorong baharu yang bersambung dengan jalan / lorong sedia ada hendaklah menggunakan nama jalan / lorong sedia ada.

5.11 Papan tanda wajib menggunakan tulisan rumi dan sekiranya perlu bersama tulisan jawi bagi memperkasakan tulisan jawi di peringkat Universiti.


6.0 Kaedah Penggunaan Kod Warna Fasad Bangunan

6.1 Kesesuaian warna bangunan yang dicadangkan :

Jenis Bangunan	Tema
Bangunan Fakulti	Menggunakan warna label jubah konvokesyen pada bangunan yang spesifik atau menjurus penggunaannya oleh fakulti tertentu dan digabungkan dengan satu atau lebih warna korporat UTHM. Ini bertujuan untuk menampilkan keunikan dan menjadi asas identiti yang membezakan di antara setiap fakulti
Bangunan pengajaran dan pembelajaran, makmal, aktiviti pelajar, sukan riadah contoh Dewan Peperiksaan F2 dan Wisdom Inn	<p>Warna Terang</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Gabungan warna terang seperti jingga, merah dan lain-lain yang disusun secara analogus bersama salah satu warna yang terdapat di dalam warna korporat UTHM (kelabu, merah, biru atau putih) ● Sesuai digunakan pada bangunan yang melibatkan aktiviti penting, ceria dan aktif.
Bangunan pejabat utama, makmal, kolej kediaman pelajar contoh Pejabat Pendaftar, Blok Kuliah G3 dan Perpustakaan	<p>Warna Lembut dan Profesional</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kombinasi warna selesa seperti biru, kelabu, putih, kuning dan lain-lain yang digabungkan secara analogus bersama salah satu warna yang terdapat di dalam warna korporat UTHM (kelabu, merah, biru atau putih) ● Sesuai digunakan pada bangunan yang melibatkan aktiviti umum, kerjasama dan tenang

<p>Bangunan penyelidikan, komersial, inkubator, Hab contoh Pusat Penyelidikan dan Masjid Sultan Ibrahim</p>	<p>Warna Inovatif</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kombinasi warna inovatif seperti hijau lumut, mocha dan lain-lain warna campuran bersama warna yang terdapat di dalam warna korporat UTHM (kelabu, merah, biru atau putih). ● Warna campuran tersebut boleh diwarnakan secara komplementer/kontras pada kadar aplikasi sederhana. ● Dicadangkan penggunaannya pada bangunan yang memerlukan sentuhan kasual atau mesra. ●
<p>Bangunan utiliti, kediaman tamu, pejabat sokongan, stor dan bangunan infrastruktur contoh kuarters</p>	<p>Warna <i>Pastel/Neutral</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kombinasi warna pastel iaitu warna yang lembut dan lebih mesra digabungkan bersama warna yang terdapat di dalam warna korporat UTHM secara simbolik (kelabu, merah, biru atau putih). ● Penggunaannya lebih meluas untuk pelbagai suasana dan karakter bangunan.

6.2 Warna-warna lain yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti



ZONE C

KOD	NAMA-NAMA TASIK
T1	'BELUM ADA NAMA
T2	'BELUM ADA NAMA
T3	TASIK KEMAJUAN
T4	TASIK INOVASI
T5	'BELUM ADA NAMA
T6	TASIK TEKNOLOGI
T7	'BELUM ADA NAMA
T8	'BELUM ADA NAMA
T9	TASIK PEMBANGUNAN

ZONE A

KOD JALAN	NAMA JALAN
A1	PERSIARAN TUN GHAZALI SHAFIE
A2	PERSIARAN TUN GHAZALI SHAFIE
A7	PERSIARAN TUN ISMAIL ALI
A9	SUSUR TUN ISMAIL ALI
A10	PERSIARAN TUN VT SAMBANTHAN
A11	SUSUR TUN VT SAMBANTHAN 1
A12	SUSUR TUN VT SAMBANTHAN 2
A13	SUSUR TUN VT SAMBANTHAN 3
A14	PERSIARAN TUN AZIZAN ZANUL ABDIN
A15	SUSUR TUN AZIZAN ZANUL ABDIN
A20	SUSUR TUN GHAZALI SHAFIE

ZONE - C

KOD JALAN	NAMA JALAN
A16	PERSIARAN TUN TAN SIEW SIN
A17	SUSUR SYED ALWI 2
A18a	JALAN KOLEJ
A18b	JALAN KOLEJ
A19	JALAN KEMAJUAN
A21	SUSUR SYED ALWI 3 (SUSUR EVERGREEN)
A22	SUSUR SYED ALWI 1
A23	JALAN LESTARI
A24	SUSUR SYED ALWI 4 (SUSUR INOVASI)

ZONE B

KOD JALAN	NAMA JALAN
A3	JALAN PEMBANGUNAN 1
A4	JALAN PEMBANGUNAN 2
A6	JALAN PEMBANGUNAN 3
A8	JALAN PENYELIDIKAN 4
B1	PERSIARAN TUN DR. ISMAIL
B2	PERSIARAN TUN DR. ISMAIL
B4	PERSIARAN TUN SYED NASIR
B6	JALAN PENYELIDIKAN 1
B7	JALAN KEBAJIKAN
B8	JALAN STADIUM
B9	PERSIARAN TUN DR. AWANG HASSAN
B10	JALAN PENYELIDIKAN 2
B11	JALAN KEBAJIKAN
B12	JALAN MASJID
B13	SUSUR TUN SYED MASIR 1
B14	SUSUR TUN SYED MASIR 2
B21	JALAN PENYELIDIKAN 3

ZONE - B

ZONE - D

KOD JALAN	NAMA JALAN
B3	PERSIARAN TUN GHAFAR BABA
B5	PERSIARAN TUN MOHD. ZAHIR ISMAIL
B15	JALAN FREE
B16	JALAN FREE
B17	JALAN EKSP
B18	JALAN PKAAS
B19	JALAN PTV
B20	JALAN PPP
B22	PERSIARAN TUN FATIMAH HASHIM